



# KEPENTINGAN MENGANALISIS STATUS PERAWI HADIS DENGAN NERACA ILMU AL-JARH WA AL-TA'DIL: TUMPUAN TERHADAP STATUS PERIWAYATAN ABU HANIFAH

(The Importance of Analyzing the Status of Hadith Narrators Based on the Discipline of al-Jarh wa al-Ta'dil with A Focus on the Narration of Abu Hanifah)

Umar bin Azlan<sup>1</sup>, Helimy bin Aris<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

*Hadith is the second source of Islamic legislation after the Quran. Due to the importance of this matter, scholars have given significant attention and concern to ensuring the authenticity and validity of the transmission of each hadith. Various branches of Hadith studies have been organized and established by scholars to ensure that this goal is achieved. Among the most important branches of Hadith studies is the science of al-Jarh wa al-Ta'dil, which discusses the credibility of a hadith narrator to determine whether their narration is directly accepted, accepted with supporting evidence, or rejected. Many hadith scholars discuss the science of al-Jarh wa al-Ta'dil, and they undoubtedly have their own research methods. Imam Abu Hanifah, on the other hand, is a prominent figure in the field of Islamic jurisprudence and has a number of hadiths attributed to him. Therefore, he cannot escape the comments of scholars of al-Jarh wa al-Ta'dil and their views on the credibility of Imam Abu Hanifah in narrating hadiths. This article aims to uncover the importance of assessing the status of a hadith narrator using the scale of al-Jarh wa al-Ta'dil. This study uses library methods to gather information on the comments of al-Jarh wa al-Ta'dil regarding Imam Abu Hanifah, and then analyzes the methods of scholars in their evaluation of his status. This study is expected to clarify the importance of analyzing the status of hadith narrators according to the scale of al-Jarh wa al-Ta'dil.*

**Keywords:** al-Jarh wa al-Ta'dil, Abu Hanifah, hadith narration.

## Article Progress

Received: 8 January 2024  
Revised: 24 February 2024  
Accepted: 1 April 2024

\*Corresponding Author:  
Umar bin Azlan.  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:  
umarazlan@raudah.usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Pengetahuan mengenai status seseorang perawi hadis disebut sebagai Ilmu al-Rijal. Manakala, salah satu topik yang dibincangkan dalam ilmu ini ialah ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil yang merujuk kepada pengetahuan untuk menyifatkan seseorang perawi dengan sesuatu pujian yang menyebabkan riwayatnya diterima (al-Ta'dil) atau pun menyifatkan seseorang perawi dengan sesuatu celaan yang menyebabkan riwayatnya ditolak (al-Tajrih).<sup>1</sup> Kepentingan mengenali biodata seseorang perawi khususnya status periwayatannya adalah satu perkara yang mustahak bahkan menjadi kewajipan ke atas para ulama' hadis untuk membincangkannya demi memelihara kesucian hadis Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا﴾

Yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya.

<sup>1</sup> Al-Ghouri. Syed Abdul Majid (2014). *Pengenalan Ilmu al-Jarh dan al-Ta'dil*. Malaysia: Darul Syakir, 9.

Tambahan pula, al-Imam Muslim bin Hajjaj meriwayatkan di dalam mukadimah Sahihnya daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja maka hendaklah dia menempah tempatnya di dalam neraka.<sup>2</sup>

Walaupun ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil secara keseluruhannya membicarakan tentang sifat dan keperibadian seseorang perawi yang mana ia ditakuti termasuk dalam kategori mengumpat, akan tetapi menurut al-Imam al-Nawawi ia dikecualikan kerana ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil diperlukan untuk memberi peringatan kepada orang Islam daripada kejahatan para pendusta.<sup>3</sup> Tambahan pula, al-Khatib al-Baghdadi telah menyatakan ijmak para ulama atas kewajipan bertanya kepada ulama al-Jarh wa al-Ta'dil untuk mengetahui hakikat kebolehpercayaan seseorang perawi.<sup>4</sup>

Kritikan atau pun komentar berkenaan para perawi merupakan topik utama perbahasan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil dan ia bermula sejak kurun yang pertama lagi di zaman sahabat r.hum. Antara sahabat yang memberikan kritikan terhadap perawi ialah Umar bin al-Khattab, Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Abbas, Anas bin Malik, Ummul Mukminin Aisyah r.hum seterusnya diikuti pula dengan zaman tabiin seperti al-Sya'bi, Ibn Sirin, Said bin Musayyab dan Said bin Jubair.<sup>5</sup> Bilangan mereka adalah sedikit berbanding dengan kurun selepasnya kerana sedikitnya bilangan perawi yang lemah disebabkan pada zaman tersebut masih ramai lagi sahabat dan pengikut-pengikutnya yang adil dan thiqah. Namun, apabila masuk kurun yang kedua maka muncullah ramai dalam kalangan tabiin pertengahan yang bersifat daif dan kebiasaannya mereka dikritik dari sudut ingatan yang lemah dan hafalan yang buruk yang membawa kepada banyak kesalahan dalam periwayatan seperti Abu Harun al-Abdi.<sup>6</sup> Hal ini menyebabkan semakin ramai ulama yang membincangkan dan memberi komentar tentang perawi-perawi hadis seperti Sulaiman bin Mihran al-A'masy, Syu'bah bin Hajjaj dan Ma'mar bin Rashid. Bilangan mereka bertambah seiring peredaran zaman sehinggalah terbukunya komentar para ulama' al-Jarh wa al-Ta'dil di dalam suatu karya yang tersendiri.<sup>7</sup>

Antara karya terawal yang mengumpulkan komentar ulama al-Jarh wa al-Ta'dil ialah Tarikh Laith bin Saad (w. 175H), Tarikh Ibn Mubarak (w. 181H), al-Tabaqat al-Kubra oleh Ibn Saad (w. 230H) dan Tarikh Ibn Ma'in (w. 233H). Al-Imam Yahya Ibn Ma'in merupakan antara ulama yang paling banyak memberikan komentar berkenaan perawi-perawi hadis hasil daripada pertanyaan anak-anak muridnya yang kemudiannya membukukan jawapannya itu.<sup>8</sup>

Menurut al-Hafiz al-Zahabi, para ulama' hadis yang berkeahlian dalam ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil dapat dibahagikan berdasarkan 2 aspek:

1. Pembahagian berdasarkan jumlah komentar ulama al-Jarh wa al-Ta'dil terhadap para perawi. Mereka dibahagikan kepada 3 kelompok:
  - a. Kelompok yang paling banyak memberikan komentar terhadap para perawi seperti Yahya Ibn Ma'in dan Abu Hatim al-Razi.
  - b. Kelompok yang banyak memberikan komentar terhadap para perawi seperti al-Imam Malik dan Syu'bah bin Hajjaj.
  - c. Kelompok yang memberikan komentar hanya kepada beberapa individu perawi sahaja seperti Sufyan bin Uyainah dan al-Imam al-Syafie.
2. Pembahagian berdasarkan metode kritikan mereka terhadap para perawi. Mereka juga dibahagikan kepada 3 kelompok:

<sup>2</sup> Al-Naisaburi. Muslim bin Hajjaj. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turats al-Arabi, Jilid 1, h 10.

<sup>3</sup> Al-Nawawi. Yahya bin Syaraf (1994). *Al-Azkar*. Lubnan: Dar al-Fikr, 341.

<sup>4</sup> Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali. *Al-Kifayah fi Ilm al-Riwayah*. Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Ilmiah, 34.

<sup>5</sup> Al-Jurjani. Abu Ahmad ibn A'diy (1997). *Al-Kamil Fi Duafa' al-Rijal*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 1, 117-124.

<sup>6</sup> Al-Sakhawi. Muhammad bin Abdul Rahman (1986). *Al-I'lan bi al-Taubikh Li Man Zamma al-Tarikh*. Muassasah al-Risalah, 320.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Nuruddin Itr (2007). *Usul al-Jarh Wa al-Ta'dil Wa Ilm al-Rijal*. Damsyik: Dar al-Yamamah, 27-28.

- a. Kelompok yang berkeras dalam memberikan kritikan dan celaan (al-Tajrih) serta berhati-hati dalam memberikan pujian (al-Ta'dil). Antara ulama' yang berada dalam kelompok ini ialah Yahya Ibn Ma'in, Abu Hatim al-Razi dan al-Juzajani. Pujian mereka terhadap seseorang perawi diterima akan tetapi kritikan mereka perlu diperhalusi. Sekiranya ada pengkritik lain yang sependapat dengan mereka dan tiada percanggahan dengan pendapat orang lain maka ia diterima. Sebaliknya, jika berlaku percanggahan pendapat mereka dengan pengkritik lain maka kritikan mereka tidak diterima melainkan yang dijelaskan sebabnya.
- b. Kelompok yang bermudah-mudahan dalam memberikan pujian (al-Ta'dil). Antara ulama' yang berada dalam kelompok ini ialah al-Tirmizi, al-Hakim al-Naisaburi dan al-Baihaqi.
- c. Kelompok pertengahan yang bersederhana dalam dalam memberikan kritikan (al-Tajrih) dan pujian (al-Ta'dil). Antara ulama' yang berada dalam kelompok ini ialah Ahmad ibn Hanbal, Abu Zur'ah al-Razi, al-Bukhari dan Ibn A'diy.<sup>9</sup>

Meskipun perbincangan berkenaan sifat seseorang perawi dikecualikan daripada perbuatan mengumpat, akan tetapi seseorang yang menceburi lapangan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil perlu lebih berwaspada dan berhati-hati agar tidak memperkatakan tentang seseorang dengan sesuatu yang tidak benar. Kata Imam Ibn Daqiq al-Eid: Maruah orang Islam adalah satu lubang daripada lubang-lubang neraka dan ada dua golongan yang berdiri hampir dengan jurangnya; para ulama' hadis (yang membincangkan al-Jarh wa al-Ta'dil) dan para hakim.<sup>10</sup> Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menyingkap kepentingan bersikap neutral dan berhati-hati dalam mengkaji komentar para ulama' al-Jarh wa al-Ta'dil untuk mengetahui hakikat periwayatan seseorang perawi hadis dan status periwayatan Imam Abu Hanifah telah dijadikan contoh konsep kajian kerana ketokohan beliau sebagai imam mazhab dan beberapa cubaan untuk menggugat kredibilitinya dalam periwayatan hadis.<sup>11</sup>

## KOMENTAR ULAMA' AL-JARH WA AL-TA'DIL BERKENAAN STATUS PERIWAYATAN IMAM ABU HANIFAH

Antara ulama' yang memberikan pujian ke atas Abu Hanifah ialah:

Yahya ibn Ma'in apabila ditanya berkenaan Imam Abu Hanifah maka jawabnya: Dia ialah seorang yang *thiqah* (dipercayai) dan *sodiq* (benar) dalam hadis dan fekah.<sup>12</sup> Mengikut riwayat Muhammad bin Saad al-Aufi, Ibn Ma'in berkata: Dia ialah seorang yang *thiqah* dan tidak meriwayatkan hadis melainkan yang dihafalnya sahaja.<sup>13</sup> Sementara itu, al-Dauraqi meriwayatkan daripada Ibn Ma'in: Dia seorang yang *thiqah thiqah*, aku tidak mendapati seorang pun yang mendaifkannya.<sup>14</sup> Kata Ibnu Muhriz daripada Ibn Ma'in: Tiada sebarang masalah padanya dan dia tidak berdusta.<sup>15</sup>

Al-Hasan bin Soleh bin Hayy berkata: Dia seorang yang faham, a'lim dan teguh dengan keilmuannya. Apabila dia mendapati satu hadis yang sahih maka dia tidak akan berpaling kepada selainnya.<sup>16</sup>

<sup>9</sup> Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1990). *Zikr Man Yu'tamad Qouluhu Fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Lubnan: Dar al-Basyair al-Islamiah, 171-172.

<sup>10</sup> Al-Qusyairi. Muhammad bin Ali. *Al-Iqtiroh Fi Bayan al-Istilah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 61.

<sup>11</sup> Ghouji. Wahbi Sulaiman (1993). *Abu Hanifah al-Nu'man Imam al-Aimmah al-Fuqaha'*. Damsyik: Dar al-Qalam, 203.

<sup>12</sup> Al-Saimari. Al-Husain bin Ali (1985). *Akhbar Abi Hanifah Wa Ashabih*. Beirut: Alam al-Kutub, 87.

<sup>13</sup> Al-Hanafi. Mughlatay bin Qalij (2001). *Ikmal Tahzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*. Al-Faruq al-Hadisah li al-Tibaah, Jilid 12 h 56.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Al-Baghdadi. Yahya ibn Ma'in (1985). *Tarikh Ibn Ma'in (Riwayat Ibn Muhriz)*. Damsyik: Majma' al-Lughat al-Arabiah, Jilid 1 h 79.

<sup>16</sup> Al-Hanafi. Mughlatay bin Qalij (2001). *Ikmal Tahzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*. Al-Faruq al-Hadisah li al-Tibaah, Jilid 12 h 56.

Setelah al-Auza'i melarang Ibn Mubarak meriwayatkan daripada Abu Hanifah, dia melihat dan membaca fiqh Abu Hanifah lalu berkata Ibn Mubarak: Pergilah kepadanya dan banyakkannya menuntut daripadanya.<sup>17</sup>

Sulaiman bin Mihran al-A'masy pernah bertanya hukum-hakam fekah kepada Abu Hanifah sedangkan Abu Hanifah meriwayatkan hadis daripadanya, lalu beliau berkata: Wahai fuqaha', kalian merupakan doktor perawat sedangkan kami (muhaddisin) menjaga ubat-ubatan.<sup>18</sup>

Syu'bah bin Hajjaj berkata sewaktu mendapat berita kewafatan Abu Hanifah: Telah hilang dengan sebab kematiannya ilmu fekah ahli Kufah. Semoga Allah merahmatinya dan kami juga.<sup>19</sup>

Abdullah bin Mubarak berkata: Abu Hanifah orang yang paling alim dalam ilmu fekah.<sup>20</sup> Sekiranya Allah SWT tidak menyelamatkanaku dengan mempertemukanku dengan Abu Hanifah dan Sufyan nescaya aku hanyalah seperti orang biasa.<sup>21</sup>

Kata Makkiy bin Ibrahim al-Balkhi: Dia seorang yang paling alim pada zamannya.<sup>22</sup> Kata-kata yang masyhur yang dinisbahkan kepada al-Imam al-Syafie: Semua orang yang mempelajari ilmu fekah terhutang budi kepada Abu Hanifah.<sup>23</sup> Al-Hafiz al-Ijliy menyenaraikan Abu Hanifah dalam kalangan perawi yang *thiqah*.<sup>24</sup>

Terdapat juga dalam kalangan ulama al-Jarh wa al-Ta'dil yang memberikan kritikan ke atas Imam Abu Hanifah seperti:

Al-Bukhari berkata: Dia berpegang dengan mazhab *al-Irja'*, para ulama' mendiamkan diri (meninggalkan) hadisnya dan pandangannya.<sup>25</sup>

Kata Abu Zur'ah: Dia berpegang dengan mazhab Jahmiyyah.<sup>26</sup>

Sufyan al-Tsauri berkata: Dia bukanlah seorang yang *thiqah* dan tidak dipercayai.<sup>27</sup>

Kata al-Nadhr bin Syumail: Hadisnya ditinggalkan dan dia bukanlah seorang yang *thiqah*.<sup>28</sup>

Ibn Saad berkata: Dia seorang yang daif.<sup>29</sup>

Ibn Abi Maryam meriwayatkan daripada Ibn Ma'in katanya: Abu Hanifah tidak diambil hadis daripadanya.<sup>30</sup>

Kata al-Fallas: Dia bukanlah seorang al-Hafiz, hadisnya tidak kukuh dan lemah.<sup>31</sup>

<sup>17</sup> Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali (1996). *Tarikh Baghdad*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 13 h 338.

<sup>18</sup> Al-Jurjani. Abu Ahmad ibn A'diy (1997). *Al-Kamil Fi Duafa' al-Rijal*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 8, 236.

<sup>19</sup> Al-Qurtubi. Yusuf bin Abdullah (1931). *Al-Intiqah' Fi Fadail al-Tsalatsat al-Aimmat al-Fuqaha'*. Kaherah: Maktabah al-Quds, 126.

<sup>20</sup> Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1998). *Tazkirat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 1, h 126.

<sup>21</sup> Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali (1996). *Tarikh Baghdad*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 13 h 337.

<sup>22</sup> Ibid. h 345.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Al-Ijliy. Ahmad bin Abdullah (1984). *Tarikh al-Thiqat*. Dar al-Baz, 450.

<sup>25</sup> Al-Bukhari. Muhammad bin Ismail. *Al-Tarikh al-Kabir*. Hyderabad: Dairat al-Maa'rif al-Ustmaniah, Jilid 8, h 81.

<sup>26</sup> Al-Razi. Abu Zur'ah (1982). *Al-Duafa'*. Madinah: Universiti Islam, 154.

<sup>27</sup> Al-Jurjani. Abu Ahmad ibn A'diy (1997). *Al-Kamil Fi Duafa' al-Rijal*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 8, 235.

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Al-Basri. Muhammad bin Saad (1968). *Al-Tabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar Sadir, Jilid 7, h 322.

<sup>30</sup> Al-Jurjani. Abu Ahmad ibn A'diy (1997). *Al-Kamil Fi Duafa' al-Rijal*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 8, 235.

<sup>31</sup> Ibid.

Kata Ahmad ibn Hanbal: Dia seorang yang lemah dalam hadis.<sup>32</sup>

Al-Nasa'i berkata bahawa Abu Hanifah tidak terlalu kuat dalam hadis.<sup>33</sup>

Ibn Hibban berkata: Dia seorang yang banyak berjidal, zahirnya warak, hadis bukanlah bidang utamanya. Dia hanya meriwayatkan 130 hadis sahaja, 120 daripadanya dia tersilap sama ada menukarkan sanadnya atau matannya. Oleh kerana kesalahannya melebihi kebenaran maka selayaknya riwayatnya ditolak dan tiada ulama' yang membicarakan tentangnya melainkan semuanya mengkritiknya kecuali beberapa orang sahaja.<sup>34</sup>

Ibn A'diy pula berkata: Dia mempunyai beberapa hadis yang baik tetapi secara umumnya apa yang diriwayatkan oleh beliau tersalah, tertukar atau ditambah pada sanad, matan atau perawi-perawinya. Maka tiadalah hadisnya yang sahih melainkan belasan hadis sahaja sedangkan dia telah meriwayatkan lebih kurang 300 hadis yang masyhur dan yang ganjil. Hal ini kerana dia bukanlah dalam kalangan ahli hadis.<sup>35</sup>

Justeru, sekiranya penilaian status periwayatan seseorang perawi itu ditentukan hanya dengan melihat kepada jumlah pemuji (al-mu'addil) dan pengkritik (al-Jarih) maka dalam menganalisis status periwayatan Imam Abu Hanifah majoriti memihak kepada al-Jarih berbanding al-mu'addil. Namun, realiti menyaksikan bahawa sebilangan besar ulama' hadis mencurahkan khidmat bakti dalam mengkaji hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Hanifah. Hal ini membuktikan keprihatinan mereka terhadap riwayat beliau atas kepentingan posisinya sebagai imam mazhab dan keutamaan kajian terhadap periwayatan hadis-hadisnya yang menjadi salah satu sumber pembentukan hukum dalam mazhab.

## KHIDMAT ULAMA' TERHADAP HADIS IMAM ABU HANIFAH

### Pengumpulan hadis-hadis Imam Abu Hanifah.

Al-Imam Abu Hanifah tidak mengarang kitab yang mengumpulkan hadis-hadisnya walaupun al-Hafiz al-Husainiy di dalam mukadimah al-Tazkirah beliau seolah-olah menisbahkan kitab Musnad kepadanya<sup>36</sup> akan tetapi perkara ini telah dinafikan oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani. Menurutnya lagi, kitab hadis yang boleh disandarkan kepada Abu Hanifah hanyalah kitab al-Atsar yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Hasan al-Syaibani.<sup>37</sup> Antara usaha yang dilakukan oleh para ulama' hadis khususnya dalam kalangan *Ahnaaf* (bermazhab Hanafi) untuk berkhidmat kepada Imam Abu Hanifah ialah dengan mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh beliau di dalam suatu karya yang disebut sebagai Musnad Abi Hanifah. Terdapat ramai dalam kalangan ulama' hadis yang mengarang Musnad Abi Hanifah.

Al-Allamah Abu al-Muayyad al-Khawarizmi menghimpunkan sejumlah 15 kitab Musnad Abi Hanifah di dalam kitab beliau yang berjudul Jami' Masanid al-Imam al-A'zom. Senarai Musnad Abi Hanifah yang dihimpunkan oleh beliau ialah seperti berikut:

1. Musnad Abi Hanifah karangan Abdullah bin Muhammad bin Ya'qub al-Harithi.
2. Musnad Abi Hanifah karangan Talhah bin Muhammad bin Jaafar.
3. Musnad Abi Hanifah karangan Abu al-Khoir Muhammad bin al-Muzaffar.

<sup>32</sup> Al-Syaibani. Ahmad ibn Hanbal (2001). *Al-Ilal Wa Ma'rifat al-Rijal*. Riyadh: Dar al-Khany, Jilid 3, h 164.

<sup>33</sup> Al-Nasa'i. Ahmad bin Syuaib (1976). *Al-Duafa' wa al-Matrukun*. Halab: Dar al-Wa'y, 100.

<sup>34</sup> Al-Busti. Muhammad ibn Hibban (1976). *Al-Majruhin Min al-Muhaddisin Wa al-Duafa' Wa al-Matrukin*. Halab: Dar al-Wa'y, Jilid 3, h 60-64.

<sup>35</sup> Al-Jurjani. Abu Ahmad ibn A'diy (1997). *Al-Kamil Fi Duafa' al-Rijal*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 8, 246.

<sup>36</sup> Al-Husainiy. Muhammad bin Ali. *Al-Tazkirah Bi Ma'rifat Rijal al-Kutub al-Asyarah*. Kaherah: Maktabah al-Khanji, 3.

<sup>37</sup> Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali (1996). *Ta'jil al-Manfaah Bi Zawaid Rijal al-Aimmmah al-Arbaah*. Dar al-Basyair al-Islamiah, Jilid 1, h 239-240.

4. Musnad Abi Hanifah karangan Abu Nuaim al-Asbahani
5. Musnad Abi Hanifah karangan Abu Bakar Muhammad bin Abdul Baqi.
6. Musnad Abi Hanifah karangan Ibn A'diy.
7. Musnad Abi Hanifah karangan al-Hasan bin Ziyad al-Lu'luiy
8. Musnad Abi Hanifah karangan Umar bin al-Hasan al-Asynani.
9. Musnad Abi Hanifah karangan Abu Bakar al-Kala'iy
10. Musnad Abi Hanifah karangan Muhammad bin al-Husein Ibn Khisru.
11. Musnad Abi Hanifah karangan Abu Yusuf al-Qadhi.
12. Musnad Abi Hanifah karangan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani.
13. Musnad Abi Hanifah karangan anaknya Hammad bin Abi Hanifah.
14. Musnad Abi Hanifah karangan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani, juga dinamakan sebagai al-Atsar.
15. Musnad Abi Hanifah karangan Abu al-Qasim Ibn Abi al-Awam.<sup>38</sup>

Seterusnya, al-Hafiz Muhammad bin Yusuf al-Solih menyenaraikan sebanyak 17 Musnad Abi Hanifah dengan tambahan:

1. Musnad Abi Hanifah karangan Abu Bakr bin al-Muqri'.
2. Musnad Abi Hanifah karangan Abu Ali al-Bakri.<sup>39</sup>

### **Pengumpulan rijal (perawi-perawi) Imam Abu Hanifah.**

Selain mengumpulkan hadis-hadis Imam Abu Hanifah, sebahagian para ulama' juga berkhidmat dengan menghimpunkan dan mengkaji perawi-perawi hadisnya. Antara kitab yang menghimpunkan dan membahaskan perawi-perawi hadis Imam Abi Hanifah ialah:

1. Al-Tazkirah bi Ma'rifat Rijal al-Kutub al-Asyarah.

Kitab ini dikarang oleh al-Hafiz Abu al-Mahasin Muhammad bin Ali al-Husani dengan tujuan menghimpunkan para perawi yang mempunyai riwayat di dalam *Kutub Sittah*; Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, Sunan al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah, ditambah juga dengan *Kutub Arbaah*: Musnad al-Imam al-Syafie yang dikumpulkan oleh Abu al-Abbas al-Asom, Musnad al-Imam Abi Hanifah yang dikumpulkan oleh Ibn Khisru, Muwatto' al-Imam Malik dan Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal.<sup>40</sup>

Al-Hafiz al-Husaini meletakkan simbol bagi perawi kitab-kitab tersebut untuk memudahkan pembaca mengenali tempat wujudnya hadis perawi tersebut.<sup>41</sup> Simbol yang disusun oleh beliau adalah seperti berikut:

RUMUS	MAKSUD
فع	Musnad al-Imam al-Syafie
فه	Musnad al-Imam Abi Hanifah
ك	Muwatto' al-Imam Malik
أ	Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal
خ	Sahih al-Bukhari
م	Sahih Muslim
د	Sunan Abi Daud
ت	Sunan al-Tirmizi

<sup>38</sup> Al-Khawarizmi. Muhammad bin Mahmud (1914). *Jami' Masanid al-Imam al-A'zom*. Hyderabad: Matba'ah Majlis Da'irat al-Ma'arif, 4-5.

<sup>39</sup> Al-Solih. Muhammad bin Yusuf (1979). *Uqud al-Jumman Fi Manaqib al-Imam al-A'zom Abi Hanifah al-Nu'man*. Universiti al-Malik Abdul Aziz, 305-306.

<sup>40</sup> Al-Husainiy. Muhammad bin Ali. *Al-Tazkirah Bi Ma'rifat Rijal al-Kutub al-Asyarah*. Kaherah: Maktabah al-Khanji, 3.

<sup>41</sup> Ibid, 5.

ن	Sunan al-Nasa'i
هـ	Sunan Ibn Majah
عب	Tambahan riwayat Abdullah bin Ahmad bin Hanbal atas Musnad ayahnya.
ع	Terdapat di dalam semua kitab.
4	Terdapat di dalam <i>Sunan Arbaah</i> .

## 2. Al-Ithar bi Ma'rifat Ruwat al-Atsar.

Oleh kerana kitab al-Atsar karangan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani menghimpunkan banyak hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hanifah maka perbincangan berkenaan perawi-perawinya adalah suatu keperluan yang mustahak. Justeru, sebahagian ulama' pada zaman al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalaniy telah meminta beliau menuliskannya.<sup>42</sup>

Sekiranya biografi perawi yang dibincangkan ada direkodkan dalam Tahzib al-Kamal maka al-Hafiz Ibn Hajar hanya menyatakan nama perawi dan menyebut selepasnya ungkapan: (في التهذيب) kecuali pada perawi yang mengikut pengamatan beliau perlu kepada penjelasan tambahan<sup>43</sup>. Beliau juga tidak hanya meletakkan biografi bagi perawi-perawi yang mempunyai riwayat sahaja, bahkan semua perawi yang ada disebutkan di dalam al-Atsar sama ada dijelaskan namanya atau pun tidak dimuatkan biografinya serta dikaji identitinya.<sup>44</sup>

## 3. Ta'jil al-Manfaah bi Zawaid Rijal al-Aimmah al-Arba'ah.

Kitab ini merupakan kesinambungan daripada al-Tazkirah oleh al-Hafiz al-Husaini. Ia ditulis oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalaniy bertujuan sebagai penambah baik untuk karya al-Husaini. Antara kerja yang dilakukan oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalaniy ialah:

- i. Meringkaskan kitab al-Tazkirah dengan hanya meletakkan biografi *Rijal Kutub al-Arbaah*; Musnad Abi Hanifah, Muwatto' Malik, Musnad al-Syafie dan Musnad Ahmad yang tidak disebutkan biografi mereka dalam Tahzib al-Kamal.
- ii. Mengekalkan simbol sepertimana yang diletakkan oleh al-Husaini.
- iii. Mengkritik dan menjelaskan kesilapan yang dilakukan oleh al-Husaini.
- iv. Memasukkan faedah berkenaan *Rijal Musnad Ahmad* yang diperolehi daripada kitab al-Husaini, al-Ikmal bi Man fi Musnad Ahmad min al-Rijal.
- v. Memasukkan faedah tambahan daripada al-Haitsami serta mengkritik kesilapannya. Beliau meletakkan simbol tambahan daripada al-Haitsami dengan huruf (هـ).
- vi. Memasukkan faedah tambahan daripada Abu Zur'ah al-Iraqiy serta mengkritik kesilapannya.<sup>45</sup>

## 4. Al-I'lam bi Ruwat al-Imam.

Kitab ini merupakan himpunan perawi hadis Abu Hanifah yang penting kerana pengarangnya, Abu al-Turab Rushdullah bin Rashid al-Din al-Rashidi telah mengumpulkan perawi-perawi hadis Abu Hanifah dengan berpandukan Jami' al-Masanid oleh al-Khawarizmi<sup>46</sup>. Pengarang mensyaratkan bahawa perawi yang diterjemahkan biografinya di dalam kitab ini mestilah perawi yang tidak ada disebutkan biografinya di dalam Taqrib al-Tahzib oleh al-Hafiz Ibn Hajar. Beliau juga menambah beberapa perawi yang tidak terdapat di dalam Jami' al-Masanid akan tetapi dijumpai di dalam kitab-kitab berikut:

<sup>42</sup> Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali (1992). *Al-Itsar Bi Ma'rifat al-Atsar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 35.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Ibid.

<sup>45</sup> Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali (1996). *Ta'jil al-Manfaah bi Zawaid Rijal al-Aimmah al-Arba'ah*. Beirut: Dar Basyair al-Islamiah, Jilid 1, h 236-237.

<sup>46</sup> Al-Rashidi. Rushdullah bin Rashid al-Din (2019). *Al-I'lam bi Ruwat al-Imam*. Pakistan: Universiti of Punjab, 89-90.

- i. Musnad Abi Hanifah himpunan al-Haskafi.
- ii. Fusul Rijal Jami' al-Masanid.
- iii. Ta'jil al-Manfaah bi Zawaid Rijal al-Aimmah al-Arba'ah.<sup>47</sup>

Pada asalnya, kitab ini dikhaskan oleh pengarang untuk hanya membincangkan perawi-perawi yang tidak terdapat di dalam al-Taqrīb. Akan tetapi di penghujung kitab, pengarang melampirkan senarai perawi hadis Abu Hanifah yang telah diterjemahkan di dalam al-Taqrīb sebagai menyempurnakan karyanya.<sup>48</sup> Jumlah keseluruhan perawi hadis Abu Hanifah yang dikumpulkan oleh pengarang di dalam kitab ini ialah sebanyak 866 perawi.<sup>49</sup>

## **METODE PARA HUFFAZ AL-MIZZI, AL-ZAHABI DAN IBNU HAJAR AL-ASQALANIY DALAM MENULIS BIOGRAFI IMAM ABU HANIFAH**

Al-Hafiz al-Mizzi memuatkan biografi al-Imam Abu Hanifah dalam kitab beliau *Tahzib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*<sup>50</sup> kerana al-Tirmizi ada meriwayatkan kata-kata Abu Hanifah dalam al-*Ilal*<sup>51</sup> dan al-Nasa'i pula meriwayatkan hadis Abu Hanifah dalam al-Sunan al-Kubro.<sup>52</sup> Al-Hafiz al-Mizzi menggelar Abu Hanifah sebagai *Faqih ahl al-Iraq* dan *Imam Ashab al-Ra'y* dan seterusnya menyenaraikan sebanyak 77 orang guru dan 97 orang murid bagi Imam Abu Hanifah.<sup>53</sup> Sepanjang perbahasan berkenaan status periwayatan Imam Abu Hanifah, al-Hafiz al-Mizzi tidak menandatangani sebarang celaan dan kritikan ke atas periwayatannya sepertimana yang dilakukan oleh al-Khatib al-Baghdadi yang memuatkan dalam biografi Abu Hanifah satu bab pada menyatakan celaan para ulama' terhadap pandangan Abu Hanifah dan larangan daripada mengikuti pandangannya.<sup>54</sup> Sebaliknya, al-Hafiz al-Mizzi hanya memuatkan kata-kata Yahya Ibn Ma'in sahaja yang memuji periwayatan Abu Hanifah dengan katanya bahawa: Abu Hanifah seorang yang *thiqah*, atau pun menurut riwayat lain, katanya: dia seorang yang tidak bermasalah.<sup>55</sup>

Dari sisi pandang al-Hafiz al-Zahabi pula, beliau juga didapati sependapat dengan gurunya al-Hafiz al-Mizzi. Hal ini adalah berdasarkan kepada beberapa dapatan kajian. Pertama, beliau secara jelas meletakkan Imam Abu Hanifah dalam senarai para huffaz hadis.<sup>56</sup> Kedua, beliau memasukkan biografi Abu Hanifah dalam beberapa karya miliknya seperti; *Tazkirat al-Huffaz*, *Manaqib Abi Hanifah wa Sohibaihi*<sup>57</sup>, dan al-Kasyif fi Ma'rifat Man Lahu Riwayah fi al-Kutub al-Sittah<sup>58</sup> tetapi beliau tidak meletakkan kritikan dan celaan (*tajrih*) di dalam biografi Abu Hanifah. Ketiga, beliau hanya menukilkan pandangan al-Nasa'i dan Ibn A'diy yang mendaiifkan Abu Hanifah dari sudut hafalannya.<sup>59</sup>

<sup>47</sup> Ibid.

<sup>48</sup> Ibid, 296.

<sup>49</sup> Al-Rashidi. Rushdullah bin Rashid al-Din (1943). *Al-I'lam bi Ruwat al-Imam*. Maktabah al-Syeikh Badi' al-Din al-Rashidi, 181.

<sup>50</sup> Al-Mizzi. Yusuf bin Abdul Rahman (1980). *Tahzib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Jilid 29, h 417.

<sup>51</sup> Al-Tirmizi. Muhammad bin Isa (1988). *Ilal al-Tirmizi al-Kabir*. Beirut: Alam al-Kutub, 388.

<sup>52</sup> Al-Nasa'i. Ahmad bin Syuaib (2001). *Al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Jilid 6, h 486 hadis no. 7301.

<sup>53</sup> Al-Mizzi. Yusuf bin Abdul Rahman (1980). *Tahzib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Jilid 29, h 418-422.

<sup>54</sup> Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali (2002). *Tarikh Baghdad*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, Jilid 15, h 543.

<sup>55</sup> Al-Mizzi. Yusuf bin Abdul Rahman (1980). *Tahzib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Jilid 29, h 424.

<sup>56</sup> Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1998). *Tazkirat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 1, h 126.

<sup>57</sup> Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1987). *Manaqib al-Imam Abi Hanifah Wa Sohibaihi*. Hyderabad: Lajnah Ihya' al-Ma'arif al-Nu'maniah, 13.

<sup>58</sup> Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1992). *Al-Kasyif fi Ma'rifat Man Lahu Riwayah fi al-Kutub al-Sittah*. Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Tsaqafah al-Islamiah, Jilid 2, h 322.

<sup>59</sup> Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1963). *Mizan al-I'tidal Fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, Jilid 4, h 265.



Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalaniy pula memuatkan biografi Imam Abu Hanifah dalam Tahzib al-Tahzib dan Taqrib al-Tahzib. Dalam tahzib al-Tahzib, beliau berjalan seiring dengan dua tokoh pendahulunya iaitu al-Mizzi dan al-Zahabi dengan tidak mendatangkan sebarang kritikan dan celaan (*tajrih*) terhadap Abu Hanifah<sup>60</sup> bahkan beliau menukulkan kata-kata Ibn Daud al-Khuraibiy: Orang yang berkata buruk tentang Abu Hanifah sama ada mempunyai hasad atau pun jahil tentangnya.<sup>61</sup> Sementara itu, dalam Taqrib al-Tahzib beliau tidak memperkatakan tentang Abu Hanifah melebihi lafaznya: *Faqih* masyhur.<sup>62</sup>

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Berdasarkan sorotan kajian yang lalu berkenaan komentar ulama' al-Jarh wa al-Ta'dil terhadap status periwayatan Imam Abu Hanifah serta khidmat para ulama' terhadap hadis beliau dan metode terjemahan biografi beliau yang dilakukan oleh huffaz hadis; al-Mizzi, al-Zahabi dan Ibn Hajar al-Asqalaniy, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa:

1. Para ulama' yang mendaifkan Imam Abu Hanifah adalah disebabkan dari sudut kelemahan hafalannya. Oleh itu, apabila riwayatnya bercanggah dengan riwayat perawi yang lebih *thiqah* daripadanya didapati para ulama' hadis mendahulukan perawi tersebut sepertimana yang dilakukan oleh al-Daraqutni di dalam al-Sunan<sup>63</sup> dan kerana itulah apabila Yazid bin Harun ditanya siapakah yang lebih alim di dalam *fiqh* antara Sufyan al-Tsaury dan Abu Hanifah? Jawab beliau: Sufyan lebih kuat hafalan di dalam hadis, sementara Abu Hanifah pula lebih alim di dalam *fiqh*<sup>64</sup>.
2. Al-Huffaz al-Mizzi, al-Zahabi dan Ibn Hajar al-Asqalaniy bersepakat untuk tidak menyebutkan celaan atau pun kritikan (*tajrih*) terhadap status periwayatan Imam Abu Hanifah di dalam kitab mereka (Tahzib al-Kamal, Tahzib al-Tahzib dan al-Kasyif) adalah kerana dua kebarangkalian: 1) Kitab-kitab tersebut mengkhususkan perawi bagi *kutub sittah* sedangkan Abu Hanifah hanya mempunyai satu riwayat di sisi al-Tirmizi dan itu pun dalam al-Ilal dan satu hadis di sisi al-Nasa'i dalam Sunan al-Kubro. 2) Walaupun Imam Abu Hanifah dikritik sebagai lemah dalam periwayatan hadis, akan tetapi realiti lapangan ilmu menyaksikan keunggulan dan keutamaan beliau khususnya di dalam ilmu *fiqh*. Oleh kerana itulah, al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalaniy mengistilahkan beliau di dalam al-Taqrib sebagai: *Faqih Masyhur*<sup>65</sup>.
3. Kepentingan untuk tidak bersifat terburu-buru dalam menghukum seseorang perawi adalah satu sikap yang perlu ada pada seseorang pengkaji ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil supaya tidak membawa kepada hasil kajian yang tidak tuntas dan tepat. Tambahan pula, seseorang pengkaji juga perlu mempunyai sifat takwa supaya lebih berhati-hati dalam menilai seseorang perawi dan mengambil sikap bersederhana (*wasatiyyah*) dengan erti kata tidak mempunyai sebarang kecenderungan berasaskan emosi dalam penilaian kerana kajian ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil melibatkan maruah individu muslim.
4. Pendekatan yang digunakan oleh al-Mizzi, al-Zahabi dan Ibn Hajar menunjukkan bagaimana ahli al-Jarh wa al-Ta'dil berpada dalam memberi komentar terhadap tokoh-tokoh terdahulu. Komentar sama ada ta'dil atau al-jarh hanya mengikut keperluan iaitu mengenal pasti status hadith. Tiada keperluan untuk memberi komentar terhadap seseorang tokoh jika ia tidak memberi impak yang signifikan terhadap status hadith khususnya yang menjadi rujukan umat seperti yang terkandung dalam al-Kutub al-Sittah.

<sup>60</sup> Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali (1908). *Tahzib al-Tahzib*. India: Matba'ah Dairah al-Ma'arif al-Nizamiah, Jilid 10, h 449.

<sup>61</sup> Ibid, 451.

<sup>62</sup> Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali (1986). *Taqrib al-Tahzib*. Syria: Dar al-Rashid, 563.

<sup>63</sup> Al-Daraqutni. Ali bin Umar (2004). *Sunan al-Daraqutni*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Jilid 2, h 107-111.

<sup>64</sup> Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali (1996). *Tarikh Baghdad*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Jilid 13, h 342.

<sup>65</sup> Al-Asqalaniy. Ahmad bin Ali (1986). *Taqrib al-Tahzib*. Syria: Dar al-Rashid, 563.

**RUJUKAN**

- [1] Al-Ghouri. Syed Abdul Majid (2014). *Pengenalan Ilmu al-Jarh dan al-Ta'dil*. Malaysia: Darul Syakir.
- [2] Al-Naisaburi. Muslim bin Hajjaj. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turats al-Arabi.
- [3] Al-Nawawi. Yahya bin Syaraf (1994). *Al-Azkar*. Lubnan: Dar al-Fikr.
- [4] Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali. *Al-Kifayah fi Ilm al-Riwayah*. Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Ilmiah.
- [5] Al-Jurjani. Abu Ahmad ibn A'diy (1997). *Al-Kamil Fi Duafa' al-Rijal*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- [6] Al-Sakhawi. Muhammad bin Abdul Rahman (1986). *Al-I'lan bi al-Taubikh Li Man Zamma al-Tarikh*. Muassasah al-Risalah.
- [7] Nuruddin Itr (2007). *Usul al-Jarh Wa al-Ta'dil Wa Ilm al-Rijal*. Damsyik: Dar al-Yamamah.
- [8] Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1990). *Zikr Man Yu'tamad Qouluhu Fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Lubnan: Dar al-Basyair al-Islamiah.
- [9] Al-Qusyairi. Muhammad bin Ali. *Al-Iqtiroh Fi Bayan al-Istilah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- [10] Al-Saimari. Al-Husain bin Ali (1985). *Akhbar Abi Hanifah Wa Ashabih*. Beirut: Alam al-Kutub.
- [11] Al-Hanafi. Mughlatay bin Qalij (2001). *Ikmal Tahzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*. Al-Faruq al-Hadisah li al-Tibaah.
- [12] Al-Baghdadi. Yahya ibn Ma'in (1985). *Tarikh Ibn Ma'in (Riwayat Ibn Muharriz)*. Damsyik: Majma' al-Lughat al-Arabiah.
- [13] Al-Hanafi. Mughlatay bin Qalij (2001). *Ikmal Tahzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*. Al-Faruq al-Hadisah li al-Tibaah.
- [14] Al-Baghdadi. Ahmad bin Ali (1996). *Tarikh Baghdad*. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- [15] Al-Qurtubi. Yusuf bin Abdullah (1931). *Al-Intiqah' Fi Fadaail al-Tsalatsat al-Aimmat al-Fuqaha'*. Kaherah: Maktabah al-Quds.
- [16] Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1998). *Tazkirat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- [17] Al-Ijliyy. Ahmad bin Abdullah (1984). *Tarikh al-Thiqat*. Dar al-Baz.
- [18] Al-Bukhari. Muhammad bin Ismail. *Al-Tarikh al-Kabir*. Hyderabad: Dairat al-Maa'rif al-Ustmaniah.
- [19] Al-Razi. Abu Zur'ah (1982). *Al-Duafa'*. Madinah: Universiti Islam.
- [20] Al-Basri. Muhammad bin Saad (1968). *Al-Tabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar Sadir.
- [21] Al-Syaibani. Ahmad ibn Hanbal (2001). *Al-Ilal Wa Ma'rifat al-Rijal*. Riyadh: Dar al-Khaniyy.
- [22] Al-Nasa'i. Ahmad bin Syaib (1976). *Al-Duafa' wa al-Matrukun*. Halab: Dar al-Wa'y.
- [23] Al-Busti. Muhammad ibn Hibban (1976). *Al-Majruhin Min al-Muhaddisin Wa al-Duafa' Wa al-Matrukin*. Halab: Dar al-Wa'y.
- [24] Al-Husainiy. Muhammad bin Ali. *Al-Tazkirah Bi Ma'rifat Rijal al-Kutub al-Asyarah*. Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- [25] Al-Asqalaniyy. Ahmad bin Ali (1996). *Ta'jil al-Manfaah Bi Zawaid Rijal al-Aimmmah al-Arbaah*. Dar al-Basyair al-Islamiah.

- [26] Al-Khawarizmi. Muhammad bin Mahmud (1914). *Jami' Masanid al-Imam al-A'zom*. Hyderabad: Matba'ah Majlis Da'irat al-Ma'arif.
- [27] Al-Solih. Muhammad bin Yusuf (1979). *Uqud al-Jumman Fi Manaqib al-Imam al-A'zom Abi Hanifah al-Nu'man*. Universiti al-Malik Abdul Aziz.
- [28] Al-Asqalani. Ahmad bin Ali (1992). *Al-Itsar Bi Ma'rifat al-Atsar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- [29] Al-Rashidi. Rushdullah bin Rashid al-Din (2019). *Al-I'lam bi Ruwat al-Imam*. Pakistan: Universiti of Punjab.
- [30] Al-Rashidi. Rushdullah bin Rashid al-Din (1943). *Al-I'lam bi Ruwat al-Imam*. Maktabah al-Syeikh Badi' al-Din al-Rashidi.
- [31] Al-Mizzi. Yusuf bin Abdul Rahman (1980). *Tahzib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [32] Al-Tirmizi. Muhammad bin Isa (1988). *Ilal al-Tirmizi al-Kabir*. Beirut: Alam al-Kutub.
- [33] Al-Nasa'i. Ahmad bin Syaib (2001). *Al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [34] Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1987). *Manaqib al-Imam Abi Hanifah Wa Sohibaihi*. Hyderabad: Lajnah Ihya' al-Ma'arif al-Nu'maniah.
- [35] Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1992). *Al-Kasyif fi Ma'rifat Man Lahu Riwayah fi al-Kutub al-Sittah*. Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Tsaqafah al-Islamiah.
- [36] Al-Zahabi. Muhammad bin Ahmad (1963). *Mizan al-I'tidal Fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- [37] Al-Asqalani. Ahmad bin Ali (1908). *Tahzib al-Tahzib*. India: Matba'ah Dairah al-Ma'arif al-Nizamiah.
- [38] Al-Asqalani. Ahmad bin Ali (1986). *Taqrib al-Tahzib*. Syria: Dar al-Rashid.
- [39] Ghouji. Wahbi Sulaiman (1993). *Abu Hanifah al-Nu'man Imam al-Aimmah al-Fuqaha'*. Damsyik: Dar al-Qalam.